

19/09/1998

Perpecahan parti tidak berulang

PASIR MAS, Jumaat - Sejarah perpecahan Umno pada 1987 tidak akan berulang berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet dan parti.

Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata apa yang berlaku 11 tahun lalu adalah berbeza dengan keadaan sekarang dan ia tidak akan menjejaskan perpaduan di kalangan ahli Umno.

Menurutnya, perpecahan Umno sebelum ini membawa kepada penubuhan Parti Melayu Semangat 46 (S46) dan beliau meninggalkan Umno bersama pengikut sendiri untuk bergabung dengan beberapa parti lain, termasuk Pas atas landasan Angkatan Perpaduan Ummah (APU).

"Zaman saya dulu memang Umno berpecah, tetapi sekarang tidak begitu. Selain itu, Anwar dipecat daripada parti sedangkan saya tidak pernah dipecat daripada Umno.

"Saya tidak keluar (Umno) seorang dan saya ada parti sendiri ketika itu. Ini berbeza dengan Anwar dan saya lihat tiada seorang pun dalam Kabinet yang meletak jawatan untuk mengikut gerakannya.

"Saya harap, Anwar tidak membiarkan dirinya dipermainkan-mainkan oleh parti pembangkang kerana beliau mungkin dibiar keseorangan apabila tiba musim pilihan raya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis ceramah Pidato Perdana anjuran Umno bahagian Pasir Mas di padang Sekolah Menengah Sultan Ibrahim (2) di sini, malam tadi.

Hadir sama Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno yang juga ketua bahagian Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali; Ahli Parlimen Machang, Datuk Shukri Mohamed dan beberapa pemimpin bahagian.

Tengku Razaleigh yang juga bekas Presiden S46 berkata, tiada pihak berhak mempersoalkan hak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri untuk memecat mana-mana menteri atau merombak Kabinet selaras amalan negara demokrasi berparlimen.

Beliau berkata, soal keanggotaan Anwar dalam Umno juga adalah keputusan sebulat suara MT dan ahli yang tidak bersetuju mempunyai pilihan untuk keluar daripada parti.

Mengenai tindakan Anwar berganding dengan parti pembangkang sejak kebelakangan ini, Tengku Razaleigh berkata, ia dilakukan kerana bekas Timbalan Perdana Menteri itu sudah tidak mempunyai platform politik untuk bersuara.

Sementara itu, Ibrahim menyifatkan pergerakan reformasi Anwar sebagai perjuangan sia-sia berikutan sikap kurang sabarnya di samping mempunyai personaliti berbeza sebaik disingkir daripada kerajaan.

(END)